

## **PERANAN WATAK UTAMA DALAM NOVEL JERIJI KASIH PEMANGKIN MODAL INSAN**

### ***ROLE OF THE MAIN CHARACTER IN JERIJI KASIH NOVEL AS AN ENCOURAGEMENT OF HUMAN CAPITAL***

*Siti Khariah Mohd Zubir Dan Zaidi Bin Ahmad*

*Fakulti Bahasa dan Komunikasi*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

#### **ABSTRAK**

Kesusasteraan adalah hasil seni kreatif bahasa yang mengungkapkan pelbagai fenomena kehidupan berdasarkan sensitiviti dan kreativiti pengarang. Novel *Jeriji Kasih* karya Ramlah Abd. Rashid merupakan novel remaja yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu tingkatan 4 dan 5. Novel ini dipilih untuk dijadikan bahan kajian memandangkan jalan ceritanya yang sesuai untuk dijadikan contoh dan teladan kepada para pelajar sebagai modal insan. Pengkaji akan menganalisis watak utama dan peranannya sebagai model modal insan. Kajian ini juga dijalankan untuk mengenalpasti ciri-ciri modal insan yang selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara. Kajian ini menggunakan pendekatan moral yang diperkenalkan oleh Horace sebagai landasan untuk menganalisis.

**Kata Kunci:** pengajaran, teladan, watak utama, peranan, model, modal insan.

#### **ABSTRACT**

Literature is a creative art product that reveals various life phenomena based on the creativity and sensitivity of the author. Novel *Jeriji Kasih* by Ramlah Abd. Rashid is a teenage novel used in the teaching and learning of Malay Literature in Form 4 and 5. This novel was chosen as the study material since the storyline was suitable to be an example to the students as human capital. The researcher analyzes the main character and role as the human capital model. This study was also conducted to identify the characteristics of human capital in line with the requirements of the National Education Philosophy. This study uses the moral approach introduced by Horace as the basis for analyzing.

**Keywords:** Learn, example, main character, role, model, human capital

## PENGENALAN

Kesusasteraan adalah cara yang paling sesuai, dan universal untuk mendidik manusia. Pendidikan yang dapat disampaikan melalui sastera boleh secara langsung dengan kata lain, kesusasteraan mempunyai nilai-nilai yang baik untuk dijadikan sebagai panduan dan pengajaran disamping sebagai bahan hiburan. Unsur-unsur kehalusan dari segi bentuk yang membezakan sastera jika dibandingkan dengan karya-karya bertulis yang lain lebih bercorak deskriptif, dan imformatif semata-mata. Kesusasteraan Melayu juga mendorong individu untuk meneliti pelbagai nilai hidup yang termuat dalam hasil karya kesusasteraan mengandung unsur-unsur emosi, imaginasi, dan wawasan tertentu. Dengan panduan unsur-unsur ini pengkarya cuba menyampaikan pernyataan fikiran, perasaan, harapan, cita-cita dan impian serta hubungan manusia dengan masyarakat dan persekitaran. Unsur-unsur yang disebutkan di atas banyak ditonjolkan oleh pengarang dalam karya mereka terutama sekali yang berbentuk novel.

Menyedari pentingnya kesusasteraan sebagai wahana penerapan nilai maka penekanan kepada nilai-nilai murni yang terdapat dalam karya sastera harus dititik beratkan. Dengan ini kita tidak hanya mengenal sastera sebagai ciptaan seni tetapi juga dapat memahami tentang manusia dan alam persekitaran dengan mendalam di samping mengambil iktibar terhadap nilai-nilai positif dan menjadikan sempadan terhadap nilainilai yang negatif. Asiah Abu Samah dalam Berita Harian, 24 April 1991 pula menyatakan:

“Sastera bukan sahaja dapat diibaratkan budi perkerti tetapi ia lebih-lebih lagi dapat membentuk budi perkerti itu sendiri kerana sastera penuh dengan persoalan-persoalan moral, nilai-nilai seni, nilai-nilai rohaniah serta berbagai isu hidup masyarakat.”

Novel merupakan sebuah genre Melayu yang popular pada masa kini. Perkembangan novel Melayu bermula pada tahun 1920-an dengan terhasilnya novel *Hikayat Faridah Hanum* atau *Hikayat Setia Asyik* oleh Syed Sheikh Al-Hadi.

Sebelum itu cerita-cerita yang beredar dalam masyarakat ialah cerita-cerita tradisi yang penuh dengan dongeng, dan khayalan yang tidak berdasarkan kenyataan hidup masyarakat sehari-hari. *Hikayat Faridah Hanum* merupakan sebuah cerita yang mengisahkan kehidupan masyarakat dengan segala pergelutan hidup, pencintaan susila dan keagamaan yang dapat dirasakan oleh pembaca sebagai kisah antara manusia yang mempunyai nilai-nilai kemanusiaan. Untuk kajian ini pengkaji memilih model modal insan remaja yang boleh dijadikan contoh kepada generasi akan datang.

Dalam kajian ini, novel *Jeriji Kasih* karya Ramlah Abd Rashid dipilih untuk dikaji. Novel ini merupakan, novel yang diguna pakai untuk pengajaran Kesusasteraan Melayu di tingkatan empat dan lima. *Jeriji Kasih* yang memaparkan kisah kegigihan seorang anak muda berusaha untuk memajukan dirinya. Semangat yang kental dan usaha berterusan menjadikan Anuariza seorang pemuda yang

berjaya dalam bidang pendidikan. Dalam novel ini Anuariza menjadikan model pembangunan modal insan kepada generasi muda terutamanya para pelajar.

## KONSEP MODAL INSAN

Modal insan dapat ditakrifkan sebagai satu usaha untuk melahirkan masyarakat yang berketerampilan cemerlang, gemilang dan terbilang. Satu usaha yang baik pada julung-julung kalinya diperkenalkan oleh Perdana Menteri yang ke-5, iaitu Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi. Hal yang demikian adalah disebabkan inisiatif supaya masyarakat Malaysia berkualiti tinggi demi pelbagai aspek kehidupan seperti aspek politik, ekonomi dan sosial yang merangkumi sahsiah, berpengetahuan, berkemahiran inovatif, memiliki nilai jati diri, beretika mempunyai pendidikan, terlatih dan mempunyai pekerjaan.

Mohd Arifin Ghazali (2007:288) mentakrifkan modal insan sebagai sumber manusia yang akan menyumbangkan bakti apabila berkerja atau mendapat pekerjaan nanti. Pendek kata modal insan merupakan tenaga manusia yang akan menentukan gagal jaya sesuatu perancangan untuk mencapai sesuatu matlamat. Sekiranya modal insan yang dilakukan tidak menepati kriteria yang diharapkan, pastinya aspirasi, objektif dan matlamat organisasi tidak akan berjaya.

Selanjutnya, Ratna Roshida Abd. Razak (2007:468) mendefinisikan modal insan sebagai idea atau buah fikiran. Mungkin masih ada manusia yang tidak mengenali diri mereka secara jelas. Perkara ini jika dibiarkan boleh menghalang seseorang untuk melakukan yang terbaik untuk dirinya. Janganlah sampai kita berada di dalam kesesatan oleh kerana tidak mengenali diri sendiri. Bukan itu sahaja, malahan jatuh bangun bangsa, sejarah dan peradaban, begitu juga dengan keagungan dan keadilan bangsa kita juga berpunca dari kegagalan manusia mengenali diri mereka sendiri.

Konsep pembangunan modal insan adalah sebahagian daripada konsep pembangunan insan atau (pembangunan manusia) yang lebih luas, yang sudah diterima pakai oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mulai tahun 1990. Konsep ini menjelaskan bahawa pembangunan modal insan ialah pembangunan yang berpusatkan manusia, di mana manusia menjadi ejen pembangunan dan sekali gus matlamat akhir pembangunan.

Sanjits. Gill dan Lee Yoke Fee (2007:51) menyatakan secara keseluruhan, modal insan merupakan individu yang tidak bersifat individualistik tetapi bersifat sebahagian daripada masyarakat Malaysia, berilmu, berkeyakinan, memiliki nilai naluri dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan santun, keluarga mantap, berdisiplin, dinamik, berdaya tahan tinggi, berinovasi, kreatif, sihat, bersemangat patriotik dan nasionalisme, adil, bersikap progresif, cekal, berintegrasi dan budaya saing. Modal insan penting kerana memiliki personaliti unggul dan masyarakat perlu mengamalkannya demi menentukan hala tuju pembangunan negara pada masa hadapan.

## METODOLOGI KAJIAN

### Pendekatan Moral Islam

Pendekatan moral yang dipilih oleh pengkaji berdasarkan ajaran Islam. Pendekatan ini digunakan dengan tujuan untuk memberikan contoh, teladan dan tunjuk ajar kepada setiap individu berdasarkan Islam. Pendekatan moral Islam dalam sastera merangkumi tiga aspek kehidupan manusia, iaitu rohani, jasmani dan akal. Mohd. Affandi Hassan (1992: 9) menyatakan bahawa dari segi rohani adab merujuk kepada penyempurnaan dua tugas insan, iaitu tugas sebagai manusia beribadat kepada Allah, dalam pada waktu yang sama bermuamalah dengan baik sesama makhluk. Kedua-duanya menjadi asas pemberian tamadun dalam Islam.

Jabir Qamihah (1996:49) menyatakan nilai-nilai moral khususnya moral Islam merupakan himpunan akhlak yang membentuk keperibadian Muslim yang unggul, seterusnya berupaya memberikan sumbangan kepada masyarakat, bekerjasama dan berusaha ke arah pembentukan diri, keluarga dan akidah.

Jabir Qamihah membahagikan nilai-nilai moral ini kepada dua, iaitu:

- i.) Nilai negatif atau nilai kosong, nilai ini adalah sesuatu nilai yang meninggalkan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah seperti arak, zina, bohong, mencuri dan lain-lain perbuatan keji.
- ii.) Nilai positif ialah suatu nilai yang wajib ada pada setiap orang Islam seperti benar, amanah, kasih sayang, menghubungkan silaturrahim, mulia dan berbaik-baik dengan jiran tetangga.

Orang Islam dikehendaki mematuhi kedua aspek ini, iaitu meninggalkan apa yang ditegah dan mengamalkan apa yang diperintah-Nya.

Menurut al-Quran, surah al Araaf (7:33) yang terdapat dalam Jabir Qamihah bermaksud, sesungguhnya Tuhan mengharamkan perbuatan keji, sama ada yang zahir atau yang bersembunyi dan perbuatan dosa melanggar hak manusia tanpa alasan yang benar. Oleh sebab itu, pengkaji menggunakan pendekatan ini untuk mengkaji individu dan masyarakat umum yang selalu lalai dan sering melakukan kesilapan dalam menghadapi sesuatu perkara. Pendekatan moral Islam setidak-tidaknya dapat membetulkan kesilapan yang dilakukan oleh seseorang.

Pendekatan moral Islam ini mempunyai kelebihan berbanding dengan pendekatan yang lain dalam sastera. Tujuan ajaran Tauhid ialah untuk menjaga kebersihan terus menerus melalui iman, ilmu dan amal supaya apabila dia kembali kepada Tuhan nanti (mati) akan berkeadaan bersih seperti pada permulaan kejadian. Pendekatan ini juga menyarankan persediaan akal serta kekuatan tubuh badan, manusia disuruh meneroka dunia dan mendapatkan manfaat di dunia dan tanpa melupakan akhirat.

Dalam pandangan Islam, hakikat dan fungsi sastera seperti dikonsepsikan dan diperaktikkan dalam sastera Barat adalah sempit dan mengelirukan. Karya dibataskan kepada aspek lahiriah, dari luaran untuk memuaskan nafsu dan emosi

serta daya intelek yang ukurannya terlalu relatif dan sementara, sering manusia gagal mengenai hakikat dirinya. Hakikat Tauhid yang menjadi dasar ajaran Islam mengutamakan aspek intelektual, aspek akal, daripada aspek emosi dan hawa nafsu kerana itu seniman Islam berkarya untuk menyembah Allah, manakala seniman Barat menyembah hasil seninya atau hawa nafsunya.

### **ANALISIS PERANAN WATAK UTAMA NOVEL *JERIJI KASIH* SEBAGAI MODEL MODAL INSAN DALAM BIDANG EKONOMI**

Terdapat pelbagai aktiviti yang boleh diceburi oleh seseorang individu dalam bidang ekonomi. Penglibatan seseorang individu atau secara berkumpulan dalam bidang ekonomi adalah bertujuan untuk memperolehi pendapatan dan keuntungan bagi memenuhi keperluan diri, keluarga, masyarakat, syarikat dan sebagainya. Mahmud Muhammad Babilli dalam Siti Khariah Mohd Zubir (2009:63) mentakrifkan ekonomi sebagai jalan untuk memperoleh pendapatan atau hasil mahsul yang sebanyak banyaknya untuk memenuhi keperluan orang perseorangan, masyarakat dan kerajaan di samping menyuburkan jalan pertumbuhan hasil mahsul, mengeksplotnya dan mengkaji cara-cara pembahagiannya dengan melibatkan perbelanjaan yang paling minimum. Menurut Jakob Sumardjo dalam Siti Khariah Mohd Zubir (2009:63), ekonomi sebagai cara manusia mendapatkan rezeki sama ada melalui bertani, berdagang, menjadi pegawai atau sebagainya.

Dalam novel *Jeriji Kasih*, watak utama iaitu Anuariza telah melibatkan diri secara aktif dalam bidang ekonomi dalam usaha untuk meningkatkan taraf ekonomi diri, keluarga dan masyarakat. Antara usaha yang mereka jalankan dalam bidang ekonomi adalah seperti bertani, bertukang, melukis, mencari hasil hutan, bekerja secara sambilan dan sebagainya.

Anuariza telah digambarkan sebagai seorang remaja yang banyak memainkan peranan sebagai model kepada pembangunan modal insan dalam bidang ekonomi. Peranan yang ditunjukkan sebagai model modal insan dalam bidang ekonomi dapat kita lihat melalui usahanya mengutip buah asam kelubi dari sebuah belukar di dalam hutan. Buah asam kelubi itu akan dijual kepada peraih di kampung tersebut yang bernama Ah Chong yang sering membeli hasil titik peluh Anuariza dengan harga yang tinggi.

Hasil daripada jualan buah asam kelubi tersebut digunakan untuk membantu ibunya dalam perbelanjaan keluarga. Anuariza sanggup mengharungi segala kesukaran dan keperitan demi untuk mendapatkan buah asam kelubi dengan tujuan untuk membantu meringankan beban yang ditanggung ibunya yang juga merupakan seorang ibu tunggal. Ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

Kopiah putih di kepala ditanggalkan. “Aku mesti meneruskan. Biar perit bagaimanapun, aku mesti ke sana,” hatinya membentak sendiri. Semalam dia ke paya, mengutip buah asam kelubi untuk dijual kepada Ah Chong, peraih di kampung itu yang sering membeli hasil titik peluhnya dengan harga yang tinggi. Tetapi disebabkan senja sudah menjengah dan langit

kian suram membawa tanda hujan akan turun, dia terpaksa meninggalkan kutipannya di sana. Dia berazam untuk membawa buah-buah itu keluar hutan keesokkan harinya. Malangnya, hujan meledak sepanjang malam tadi menghalang dia meredah belukar itu kembali.

(*Jeriji Kasih*, 2009:2)

Berdasarkan petikan di atas, pengkaji mendapati bahawa Anuariza merupakan seorang yang mempunyai ciri modal insan, iaitu kreatif dan berilmu. Sikap Anuariza yang kreatif dapat dilihat daripada tindakannya meninggalkan buah asam kelubi yang telah dikutipnya itu di dalam sebuah belukar di dalam hutan dengan cara yang betul untuk mengelakkan buah asam kelubi tersebut daripada rosak akibat terkena atau terendam dalam air hujan yang turun pada petang dan malam tersebut. Mohd. Ismail Zamzam (1993:65) menyatakan generasi muda kita yang ada dan generasi yang akan datang perlu dibentuk bukan sahaja menjadi manusia yang cerdas, sihat jasmani dan rohani, tetapi jadi manusia yang kreatif yang dapat memanfaatkan sumber alam yang wujud di sekelilingnya untuk kepentingan bangsa dan negara. Nilai murni yang ditunjukkan oleh Anuariza dalam petikan di atas adalah kesungguhan dan kecekalan hatinya, berani, serta kasih sayang untuk membantu ibunya melalui jualan buah asam kelubi tersebut. Anuariza juga mempunyai nilai moral yang tinggi iaitu sanggup menghadapi kesukaran kerana ingin membantu dan meringankan tanggungan ibunya. Sikap ini bertepatan dengan pendekatan moral Islam yang diperkenalkan oleh Jabir Qamihah (1996:49) yang memberi penekanan kepada nilai-nilai positif, iaitu nilai yang wajib ada pada setiap orang Islam terutamanya anak mesti mempunyai nilai kasih sayang terhadap ibu yang memeliharanya semenjak lahir sehingga dewasa serta dapat memberikan kesan didaktif kepada masyarakat. Sikap Anuariza juga perlu dicontohi dan dijadikan sebagai model modal insan oleh generasi muda terutamanya golongan pelajar agar dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada pembangunan dan kemajuan negara pada masa hadapan selaras dengan FPN, iaitu untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani, 2005:7).

Anuariza merupakan seorang yang mempunyai ilmu atau kemahiran dalam bidang pertukangan. Pengkaji mendapati bahawa Anuariza juga mempunyai kebolehan mengecat. Dia telah menggunakan kemahirannya itu untuk menambahkan pendapatan diri di samping dapat membantu meringankan beban kewangan keluarganya. Anuariza telah mengambil upah untuk mengecat serta membuat sedikit pengubahsuaian di bilik Syarifah Farisyah, iaitu cucu Nek Siah. Wang upah hasil daripada kerja mengecat dan pengubahsuaian rumah tersebut telah digunakan oleh Anuariza untuk menjelaskan yuran persekolahan adiknya, Azuera. Ini dibuktikan seperti petikan di bawah:

Rumah batu dua tingkatnya sudah dua bulan siap, tersergam indah. Anuariza mengambil upah mengecat dan membuat sedikit pengubahsuaihan di bilik cucu Nek Siah. Dia melunaskan yuran persekolahan Azuera dengan wang upahan itu. Tersenyum lebar dia apabila berjaya menyelesaikan masalah keluarganya dengan titik peluhnya sendiri.

(*Jeriji Kasih*, 2009:7)

Berdasarkan petikan di atas, pengkaji mendapati Anuariza merupakan seorang yang mempunyai ciri-ciri utama modal insan, iaitu berilmu, beretika, kreatif, nilai murni serta sihat jasmani dan rohani. Dia juga mengamalkan nilai moral baik seperti bertanggungjawab, berperikemanusiaan, memuliakan ibu bapa, berkasih sayang dan hormat menghormati. Alimudin bin Haji Mohd. Dom dalam Halis Azhan Mohd Hanafiah (2010:1) menegaskan bahawa matlamat dan dasar kementerian dalam membina Negara bangsa adalah untuk memastikan setiap pelajar memiliki jati diri yang kukuh, patriotik, berpegang teguh pada ajaran agama dan moral, hidup sebagai sebuah masyarakat penyayang, demokratik, liberal, bertolak ansur, berfikiran dan berbudaya saintifik dan bersatu padu. Ilmu pertukangan yang dimilikinya telah digunakan sebaik mungkin untuk memperolehi pendapatan yang digunakan untuk menjelaskan yuran persekolahan adiknya itu. Anuariza telah berkorban tenaga dan masanya demi membantu keluarganya. Sikap Anuariza bertepatan dengan pendekatan moral Islam oleh Jabir Qamihah (1996:49) yang bermatlamat untuk menghubungkan silaturahim dengan jiran tetangga bagi membentuk masyarakat yang baik dan sempurna. Sikap ini patut dicontohi oleh generasi muda terutamanya para pelajar. Anuariza amat sesuai dijadikan model kepada pembangunan modal insan.

### **Peranan Watak Utama Novel *Jeriji Kasih* Dalam Bidang Sosial**

Anuariza juga memainkan peranan penting sebagai model modal insan dalam bidang sosial atau kemasyarakatan di kawasan masing-masing. Siti Khariah Mohd Zubir (2009:85) menyatakan sosial bermakna segala yang berkaitan dengan masyarakat, perihal masyarakat atau perkara-perkara yang bersangkutan dengan kemasyarakatan. Sosial juga bermaksud perkara-perkara yang bersangkutan dengan sikap dan tingkah laku manusia dalam menghadapi masyarakat. Wan Azmi Ramli dalam Siti Khariah Mohd Zubir (2009:85), mendefinisikan sosial sebagai perkara yang berkaitan dengan peraturan, kaedah-kaedah perangai dan tingkah laku yang diterima baik oleh kebudayaannya. Peraturan tingkah laku sedemikian mungkin dimantapkan melalui undang-undang atau ikutan adat susila masyarakatnya, atau mungkin diterima sebagai satu etika pada waktu itu. Oleh itu, dapatlah disimpulkan di sini bahawa sosial merupakan segala perkara yang mempunyai kaitannya dengan masyarakat sekeliling. Ia juga berkaitan dengan tingkah laku manusia ketika berhadapan dengan masyarakat di sekelilingnya.

Watak utama dalam novel *Jeriji Kasih* memainkan peranan sebagai model modal insan dalam bidang sosial. Watak utama ini menunjukkan nilai murni serta wajar dicontohi oleh generasi muda pada masa kini terutamanya para pelajar. Sikap positif yang ditunjukkan oleh mereka dapat dijadikan sebagai panduan dan ikutan.

Pengkaji mendapati bahawa Anuariza amat sayang akan ibunya. Dia banyak membantu ibunya. Anuariza banyak membantu Solehah dalam urusan mencari rezeki bagi menyara hidup mereka sekeluarga. Dia telah membantu ibunya sejak dia masih kanak-kanak lagi. Dia berusaha sedaya upaya untuk meringankan beban yang ditanggung oleh ibu selama ini. Kasih dan sayang yang mendalam terhadap ibunya telah menyebabkan dia berusaha untuk menjaga hati dan maruah ibunya. Anuariza amat marah jika ibunya dihina. Ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

“Pondok daif! Anak dagang merempat! Anak orang hutan! Itu gelaran orang kampung pada kami. Saya dengar. Saya masih boleh bersabar. Tapi, apabila mereka menghina emak, kata emak janda merempat, pembawa sial, saya marah! Marah sangat-sangat. Tapi emak kata, biarkan. Jangan ganggu orang, kita hidup cara kita. Kata-kata emak, saya pegang hingga sekarang,” Dia menelan air liur, menarik nafas panjang seraya merenung jauh. Dia cuba senyum, namun wajahnya tampak pahit dan hambar.

(*Jeriji Kasih*, 2009:98)

Petikan di atas membuktikan bahawa Anuariza amat sayang akan ibunya. Dia masih boleh bersabar jika dia dan adiknya dihina tetapi dia menjadi marah jika ibunya dihina oleh penduduk kampung. Ini kerana ibunya merupakan seorang yang sangat mulia kepada dirinya. Allah SWT juga memerintahkan umatnya agar menyayangi dan mentaati kedua-dua ibu dan bapa dalam segala hal selagi tidak bertentangan dengan akidah, syarak dan akhlak. Ini dibuktikan melalui firman Allah dalam surah al-Ahqaf (46:15) dalam Mustafa Haji Daud (1997:55) yang bermaksud:

“Kami perintahkan kepada manusia agar berbuat baik kepada kedua orang ibu bapa. Ibu mengandung dengan susah payah (pula). Mengandungnya sampai menceraikan (menyusu) adalah tiga bulan, sehingga apabila ia telah dewasa dan lanjut umurnya sampai empat puluh tahun ia berdoa: “Ya Tuhan, tunjukkanlah aku untuk mensyukuri nikmat Engkau yang telah Engkau berikan kepadaku dan kepada ibu bapa dan supaya aku dapat berbuat amal yang salih yang Engkau redai ...”

Pelbagai rintangan yang telah dilalui oleh ibunya dengan sabar demi membesarakan mereka berdua. Kasih sayang ibunya kepada Anuariza tidak pernah luntur walaupun ibunya telah mempunyai anak sendiri. Ini menyebabkan Anuariza begitu sayangkan ibunya dan sanggup

mempertahankan ibunya. Sifat Anuariza amat bertepatan dengan dasar pendekatan moral Islam yang diperkenalkan oleh Jabir Qamihah (1996:49) yang menyatakan bahawa sesebuah karya sastera melalui isi dan matlamatnya mengutamakan aspek intelektual, aspek akal daripada aspek emosi dan hawa nafsu kerana itu seniman Islam berkarya untuk menyembah Allah SWT. Ini menunjukkan bahawa Anuariza seorang yang bermoral baik. Anuariza memiliki ciri-ciri modal insan seperti berbudi pekerti, beretika, mengamalkan nilai murni, sihat jasmani dan rohani serta bersopan santun patut dicontohi oleh generasi muda masa kini terutamanya golongan pelajar. Sikap Anuariza ini bersesuaian dengan FPN yang bertujuan melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani, 2005:7). Ini menunjukkan bahawa Anuariza sangat sesuai dijadikan sebagai model pembangunan modal insan.

Pengkaji mendapati Anuariza merupakan seorang yang mengenang jasa. Dia mengenang jasa-jasa ibu dan bapa angkatnya. Selain itu, dia juga mengenang jasa ibu dan bapa kandungnya walaupun dia tidak pernah mengenali ibu dan bapa kandungnya itu. Oleh sebab itu, Anuariza sentiasa berusaha untuk membantu ibunya. Dia amat menjaga hati ibunya. Anuariza amat bersyukur kerana ibu dan bapa kandungnya telah menyerahkannya kepada ibu bapa angkatnya. Anuariza hanya akan melakukan sesuatu perkara itu setelah mendapat keizinan daripada ibunya. Ini dibuktikan melalui petikan di bawah:

“Ibu tetap ibu, ayah tetap ayah. Tanpa mereka tidak ada aku di dunia ini. Jika mereka tidak menyerahkan aku kepada emak dan abah, tidak mungkin aku mengenali insan semulia mereka. Kasih sayang yang emak curahkan pada aku langsung tidak berkurangan, walaupun sudah ada anak sendiri. Daripada aku terus mereka dan merencana kenapa dan mengapa ayah dan ibu meninggalkan aku, lebih baik aku fikirkan cara bagaimana untuk membalas budi emak dan budi arwah abah,” hatinya berbicara sendiri.

(*Jeriji Kasih*, 2009:34 & 35)

Petikan di atas jelas menunjukkan kepada kita bahawa Anuariza merupakan seorang yang sentiasa mengenang jasa dan tidak mudah lupa diri serta kebaikan orang lain terhadap mereka sekeluarga. Ini jelas menunjukkan bahawa Anuariza merupakan seorang yang mempunyai nilai moral yang baik seperti yang terkandung dalam matlamat pendekatan moral yang diperkenalkan oleh Jabir Qamihah (1996:49) yang berpendapat pengkarya Islam berkarya kerana Allah SWT dan karyanya dapat dijadikan contoh dalam membentuk masyarakat yang baik dan sempurna. Sikap Anuariza ini perlu dicontohi kerana dia mempunyai nilai

murni, berbudi pekerti, beretika, suhat jasmani dan rohani serta bersopan santun selaras dengan FPN yang bertujuan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, brakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Dia amat sesuai dijadikan sebagai model kepada usaha untuk pembangunan modal insan.

## **PERANAN WATAK UTAMA NOVEL *JERIJI KASIH* SEBAGAI MODEL MODAL INSAN DALAM BIDANG PENDIDIKAN**

Pendidikan merupakan agen perubahan utama yang mempunyai peranan penting untuk mengubah sikap generasi muda yang juga merupakan golongan pelajar agar menjadi warganegara berguna serta dapat memberi sumbangan kepada kemajuan, pembangunan dan kemakmuran negara pada masa hadapan. Generasi muda pada masa kini merupakan pelapis kepada golongan pemerintah negara yang sedia ada. Golongan inilah yang akan mengambil alih tampuk pemerintahan negara serta menentukan hala tuju negara pada masa akan datang.

Sapora Sipon dan Mohamed Asin Dollah dalam Nik Salida Suhaila Nik Saleh et al. (2008:2 & 3) menyatakan Kementerian Pengajian Tinggi menjadikan pembinaan modal insan sebagai agenda utamanya dalam usaha memperkasakan institusi pengajian tinggi negara. Dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, pembinaan modal insan dipertingkatkan melalui pemerkasaan pengajian tinggi untuk kepentingan pembangunan negara dan memartabatkannya di persada nasional dan antarabangsa menjelang 2020 dan selepas itu, apabila Malaysia dijadualkan mencapai status negara maju.

Watak utama yang dikaji, iaitu Anuariza yang amat sesuai untuk dijadikan sebagai model modal insan kepada generasi muda terutamanya golongan pelajar. Pengkaji mendapati dia telah menunjukkan kesungguhan dalam bidang pendidikan sehingga dia berjaya memperolehi kejayaan yang membanggakan dalam bidang pendidikan. Kejayaan tersebut tidak akan dicapai sekiranya dia tidak mempunyai semangat yang kental dan usaha yang berterusan. Ciri-ciri utama modal insan yang dimiliki telah membantunya mencapai kejayaan yang cemerlang dalam bidang pendidikan dan seterusnya dapat diangkat sebagai model pembangunan modal insan kepada generasi muda terutamanya para pelajar.

Anuariza digambarkan oleh pengarang sebagai seorang remaja yang sangat mementingkan pendidikan. Sejak dari zaman kanak-kanak lagi, dia telah menunjukkan minat yang mendalam terhadap pelajaran. Minatnya untuk menuntut ilmu pengetahuan telah wujud dalam dirinya sejak dia masih kanak-kanak lagi. Ini dibuktikan dalam petikan berikut:

“Masa tu, saya berasa sungguh seronok, dapat rumah baru. Kami gembira walaupun digelar anak tarzan oleh orang kampung. Saya dan adik tak ada kawan, tiada sesiapa mahu berkawan dengan kami. Jauh sekali bersekolah, walaupun sepatutnya saya di darjah dua pada waktu itu.” Dia senyum lagi.

“Sedih juga tak dapat sekolah, tapi apa boleh buat, emak tak mampu, saya juga kena jaga adik bila emak keluar menoreh getah.” Anuariza merenung jauh seolah-olah sedang menonton kembali cerita silamnya.

(*Jeriji Kasih*, 2009:97)

Pengkaji mendapati bahawa Anuariza amat pentingkan pelajaran. Sikap Anuariza terhadap pendidikan jelas dilihat apabila dia berasa sedih kerana tidak dapat bersekolah seperti kanak-kanak lain yang sebaya dengannya. Walaupun masih kanak-kanak, Anuariza sudah pun menyedari tentang kepentingan pelajaran. Ini bertepatan dengan pendapat Nurul Aida Ahmad (1997:18) yang menyatakan bahawa remaja sebagai aset terpenting dalam sesebuah negara harus “celik akal” dalam usaha mengurangkan kadar masalah sosial. Pembangunan rohani dan jasmani pula perlulah selaras dengan pembangunan negara. Ini jelas menunjukkan bahawa Anuariza memiliki ciri-ciri modal insan seperti berilmu, berkeyakinan serta sihat jasmani dan rohani. Sikap Anuariza ini selaras dengan matlamat FPN, iaitu memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Generasi muda dan golongan pelajar perlu mencontohi sikap Anuariza agar mereka dapat menjadi warganegara yang berilmu pengetahuan dan dapat memberi sumbangan kepada kemajuan dan pembangunan negara. Ini juga menepati falasafah pendekatan moral yang diperkenalkan oleh Jabir Qamihah (1996:49) yang memberi penekanan kepada nilai-nilai moral positif yang wajib dimiliki oleh setiap individu dan ahli masyarakat. Pendekatan ini juga bermatlamat untuk menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang baik dan sempurna melalui isi sesebuah karya sastera. Sikap Anuariza yang mementingkan pelajaran perlu dicontohi oleh generasi muda terutamanya golongan pelajar. Anuariza sangat sesuai dijadikan sebagai model modal insan.

## **PERANAN WATAK UTAMA NOVEL *JERIJI KASIH* SEBAGAI MODEL MODAL INSAN DALAM BIDANG AGAMA**

Ilmu agama atau keagamaan yang mantap penting agar dapat melahirkan individu yang seimbang dari semua sudut kehidupan. Mahdi Shuidet *al.* (2010:1) menyatakan penekanan terhadap nilai dan pemahaman konsep keagamaan perlu diberi perhatian yang sewajarnya dalam membentuk generasi muda mengikut acuan negara. Kefahaman tentang aspek nilai dan keagamaan yang longgar telah menyumbang kepada ledakan gejala sosial seperti jenayah, salah laku remaja dan pembabitan remaja dalam gejala-gejala sosial. Keadaan ini menunjukkan perlunya proses pembinaan insan yang menyeluruh dan seimbang dengan meletakkan

kONSEP TAUHID sebagai terasnya. Anuariza merupakan insan yang mempunyai ilmu agama yang tinggi dalam jiwa. Dia digambarkan amat patuh kepada ajaran agama Islam terutamanya dalam soal mengerjakan solat.

Anuariza digambarkan oleh pengarang sebagai seorang yang mempunyai ketinggian ilmu agama. Dia bukan sahaja tidak pernah meninggalkan solat, sering melaungkan azan di masjid di kampungnya malah mempunyai kebolehan membaca doa dalam sesuatu majlis kesyukuran. Ini dibuktikan melalui petikan di bawah:

Syed Mustafa senyum dan berpuas hati dengan penerangan Anuariza. Dia menyukai ketinggian ilmu agama anak muda itu. Maghrib dan subuh tadi, dia mendengar laungan azan yang begitu lunak dari masjid kampung. Ibunya mengatakan bahawa Anuariza yang melaungkan azan apabila masuk waktu solat. Sewaktu kenduri kesyukuran di rumahnya malam semalam juga, Anuariza turut diberi kepercayaan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW selepas imam kampung memulakannya

(*Jeriji Kasih*, 2009: 27)

Pengkaji mendapati bahawa Anuariza mempunyai ketinggian ilmu agama. Perkara ini diakui sendiri oleh Syed Mustafa dan Nek Siah. Dia bukan sahaja sering melaungkan azan dari masjid kampung, malah diberi kepercayaan untuk berselawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW dalam majlis kesyukuran yang diadakan di rumah Syed Mustafa. Ini bertepatan dengan pendapat yang dikemukakan dalam laman web <http://www.Ikim.gov.my/v5/index.php> yang menegaskan bahawa manusia diperlukan mengikut ajaran Islam yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW secara keseluruhan, mengikut segala ajaran al-Quran dan Sunnah, dia dijamin mandapat kesejahteraan di dunia dan akhirat. Ini juga membuktikan bahawa Anuariza mempunyai ciri-ciri modal insan, iaitu berilmu, berkeyakinan, nilai murni, beretika dan sihat jasmani dan rohaninya. Sikap Anuariza ini selaras dengan matlamat FPN yang bertujuan untuk memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Sikap Anuariza yang menitik berat soal agama dalam kehidupannya adalah selari dengan falsafah pendidikan moral yang diperkenalkan oleh Jabir Qamihah (1996:49) yang memberi penekanan kepada nilai-nilai moral Islam yang positif serta kesan didaktif kepada masyarakat selain berusaha untuk menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang baik dan sempurna melalui karya sastera yang dihasilkan. Ini membuktikan bahawa Anuariza sangat sesuai dijadikan sebagai model modal insan kepada generasi muda terutamanya golongan pelajar. Sikap Anuariza ini patut dicontohi agar generasi muda kini dapat memberi sumbangan kepada kemajuan dan pembangunan negara.

Pengkaji mendapati bahawa Anuariza merupakan seorang remaja yang menjaga tindakannya agar tidak dimurkaai Allah. Dia juga selalu berdoa kepada Allah agar hajatnya dimakbulkan. Ini dibuktikan melalui petikan di bawah:

“Fariz mahukan perhatian ayah. Fariz mahukan kasih sayang.”

“Bukan begini caranya, dik. Perbuatan Fariz hanya mengundang kemurkaan Allah. Untuk menuntut kasih dan sayang ibu bapa kita, kita perlu berbuat baik. Berdoa pada Allah agar hati mereka dilembutkan.” Manis senyum di bibirnya.

(*Jeriji Kasih*, 2009: 144)

Petikan di atas jelas menunjukkan bahawa Anuariza seorang yang sentiasa berdoa dan memohon kepada Allah sekiranya dia mempunyai sesuatu hajat. Petikan di atas juga menunjukkan tindakan Anuariza menasihatkan Syed Fariz agar berdoa kepada Allah agar melembutkan hati bapanya agar mendapat kasih sayang yang sewajarnya daripada mereka. Allah telah berfirman dalam surah al-A’raf ayat 55 & 56 yang bermaksud:

“Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendahkan diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas. Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah baiknya, dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharapkan (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya”

(Ahmad Adnan bin Fadzil, 2009:137)

Ini menunjukkan bahawa Anuariza memiliki ciri-ciri modal insan, iaitu berilmu, berkeyakinan, beretika, sihat serta mengamalkan nilai-nilai murni. Sikap Anuariza yang sentiasa berdoa kepada Allah adalah selaras dengan matlamat FPN, iaitu untuk memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Sikap Anuariza yang sentiasa memohon hanya kepada Allah selaras dengan falsafah pendekatan moral Islam yang diperkenalkan oleh Jabir Qamihah (1996) iaitu sastera melalui karyanya boleh menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang baik dan sempurna serta memberi penekanan kepada nilai-nilai moral yang positif dan kesan didaktif kepada masyarakat. Ini jelas membuktikan bahawa Anuariza sangat sesuai dijadikan sebagai model modal insan.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati novel yang dikaji iaitu *Jeriji Kasih* sarat dengan nilai-nilai moral. Watak utama dalam novel ini telah menunjukkan nilai-nilai murni yang tinggi serta sesuai dijadikan ikutan oleh generasi muda terutamanya golongan pelajar. Pengarang novel tersebut

telah melengkapkan watak utama dengan ciri-ciri modal insan dan nilai murni yang tinggi serta selaras dengan matlamat FPN.

Pendekatan moral Islam yang diperkenalkan oleh Jabir Qamihah (1996) telah meletakkan nilai moral Islam sebagai kayu ukur utama untuk menilai sesebuah karya sastera. Sesebuah karya sastera yang baik dan bermutu mestilah bermoral atau mempunyai nilai-nilai moral. Karya sastera yang tidak bermoral tidak dihargai langsung dalam pandekatan ini. Jabir Qamihah juga memberi penekanan bahawa sesebuah karya yang baik mestilah mengandungi unsur-unsur pendidikan. Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji dapat novel yang dikaji sarat dengan nilai moral Islam yang tinggi. Watak utama memiliki nilai-nilai moral yang positif seperti baik hati, bertanggungjawab, pemurah, mempunyai keazaman yang tinggi, rajin, menghormati orang tua, gigih, memiliki sifat kasih sayang terhadap keluarga, jiran dan rakan-rakan dan lain-lain lagi. Ini membuktikan bahawa karya sastera ini dapat dinobatkan sebagai karya sastera yang baik serta memberi penekanan kepada nilai-nilai moral Islam dan kesannya kepada masyarakat. Novel ini amat sesuai dijadikan sebagai teks untuk bacaan para pelajar kerana novel ini sarat dengan nilai Islam di samping menampilkan hampir semua daripada ciri-ciri utama modal insan. Novel ini juga dapat menyumbang kepada pembentukan masyarakat Malaysia yang berakhhlak mulia serta mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan.

## RUJUKAN

- Ahmad Adnan bin Fadzil (ptjmh). (2009). *50 Kewajipan Seorang Muslim*. Puchong: Penerbitan Dar Hakamah.
- Baharuddin Ahmad (ptjmh), (1993). *Muhammad Insan Kamil*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Halis Azhan Mohd Hanafiah. (2010). *Azfa Hanani*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Jabir Qamihah. (1996). *Nilai-nilai Islam Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Mahdi Shuidat *et al.* (2010). *Pendidikan Negara Bangsa Malaysia*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mohd Ariffin Ghazali. (2007). *Pembinaan Modal Insan dalam Program Kokurikulum IPTA*. Kertas Kerja Seminar Peradaban Melayu III Modal Insan Bersepadu Teras Bangsa Terbilang. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd. Ismail Zamzam. (1993). *Asas Organisasi dan Kepimpinan untuk Persatuan dan Kelab Sekolah*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mustafa Haji Daud. (1997). *Tamadun Islam*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Nik Salida Suhaila Nik Salehet *et al.* (pnytg). (2008). *Sains Islam dan Pembinaan Modal Insan*. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ramlah Abd. Rashid. (2009). *Jeriji Kasih*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ratna Roshida Abd. Razak. (2007). "Peranan Sastera dalam Memperkasakan Modal Insan: Satu Tinjauan Awal". Kertas Kerja Seminar Peradaban Melayu III Modal Insan Bersepadu TerasBangsa Terbilang. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Saijit S. Gill dan Lee Yah Fee. (2007). *Islam Hadhari dan Pembinaan Modal Insan: Perspektif Bukan Melayu*. Kertas Kerja Seminar Peradaban Melayu III Modal Insan Bersepadu Teras Bangsa Terbilang. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Siti Khariah Mohd Zubir. (2009). *Citra Wanita dalam Novel Melayu*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Siti Khariah Mohd Zubir & Zarima Mohd Zakaria. (2009). *Peranan Wanita Melayu untuk Melaksanakan Modal Insan Bagi Memperkasakan Minda Kelas Pertama Menuju kepada Pembangunan Negara*. Geran Za'ba Institut Peradaban Melayu UPSI.
- ZulhilmiPaidi& Rohani Abdul Ghani. (2005). *Pendidikan Negara Bangsa*. Pahang Darul Makmur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Alimuddun Mohd Dom. (2010). Guru Pembina Negara Bangsa: Membangunkan Modal  
Insan dengan Ciri-ciri Individu dan Masyarakat Bangsa Malaysia yang Maju. *Utusan Malaysia*: Titian, 16 Mei: 1
- Asiah Abu Samah. (1991). Kepentingan Kesusteraan dalam Pembangunan. *Berita Harian*, 24 April: 6

### **Laman web**

- <http://www.haluan.org.my/v3/index.php>  
<http://www.Ikim.gov.my/v5/index.php>  
<http://www.islam.gov.my/islamhadhari/index.php>



